

# ARBA'IN MAWARDI

**Khazanah Hadis Ulama Nusantara  
di Minangkabau**

Buku Arba'in Mawardi ini merupakan penyelidikan ilmiah terhadap kumpulan hadis-hadis pilihan yang disusun oleh Buya Mawardi dalam al-Ahadith al-Mukhtarah. Seorang ulama besar Nusantara yang mewakafkan dirinya untuk kemajuan Islam di Minangkabau khasnya dan Tanah Melayu secara amnya. Beliau dengan setia mengawal dan memajukan Perguruan Thawalib Panjang Panjang selama lebih dari 60 tahun dan ikut membesar IAIN Imam Bonjol era 1960-1990. Buya Mawardi telah menghimpun 40 hadis yang dianggap penting bagi setiap Muslim untuk diketahui dan amalkan dalam kehidupan. Hadis-hadis tersebut meliputi pelbagai aspek kehidupan, terutamanya yang berkaitan dengan nilai dan pembentukan spiritualiti serta akhlak generasi muda dan masyarakat awam. Dalam buku ini, penulis telah menghuraikan secara terperinci mengenai personaliti Buya Mawardi, metodologi penulisan hadis dan kualitinya, serta pemikiran beliau terhadap hadis Nabi SAW. Semoga Arba'in Mawardi memberi panduan yang jelas tentang bagaimana menjalani kehidupan sesuai ajaran Nabi Muhammad SAW. Buya Mawardi menulis buku dalam bahasa yang mudah difahami dan dengan penjelasan yang cukup mendalam. Usaha pengenalan ini diharapkan dapat menyumbang kepada perkembangan pengajian tokoh ulama dan literatur hadis di Nusantara, serta menjadi rujukan penting bagi sesiapa yang ingin mendalami ajaran Nabinya. Selamat membaca!




ARBA'IN MAWARDI ~ Khazanah Hadis Ulama Nusantara di Minangkabau

Jannatul Husna bin Ali Nuar

# ARBA'IN MAWARDI

**Khazanah Hadis Ulama Nusantara  
di Minangkabau**

Jannatul Husna bin Ali Nuar



# ARBA'IN MAWARDI

**Khazanah Hadis Ulama Nusantara  
di Minangkabau**

# ARBA‘IN MAWARDI

**Khazanah Hadis Ulama Nusantara  
di Minangkabau**

Jannatul Husna bin Ali Nuar

PENERBIT USIM  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Negeri Sembilan  
**2024**

**Cetakan Pertama 2024**

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada Penerbit USIM terlebih dahulu.

Karya Penerbitan: Ilmiah

*Diterbitkan di Malaysia oleh:*

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-798 6271/6272 | Faks: 06-798 6083

[www.penerbit.usim.edu.my](http://www.penerbit.usim.edu.my) | [penerbit@usim.edu.my](mailto:penerbit@usim.edu.my)

Penerbit USIM ialah anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

*Dicetak di Malaysia oleh:*

Pewaris Gemilang Sdn Bhd

No. 27 G, 16 G, Jalan Putra 8,

Taman Kajang Putra,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

Tel: +603-874 15215 | Fax: 03-798 15215

[pewaris.hr@gmail.com](mailto:pewaris.hr@gmail.com)

Muka Taip Teks: Times New Roman

Saiz Taip Teks: 11pt

Editor Pengurusan: Ainnatun Nadrah Mansor

Pereka: Mohd Amirul Mohamad Ghazali

Pengatur Huruf: Nor Atikah Ghazali



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari  
Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-629-7748-08-5

Dapatkan buku Penerbit USIM secara dalam talian di:

- Penerbit USIM
- [@penerbit\\_usim\\_official](https://www.instagram.com/penerbit_usim_official)
- Penerbit USIM
- @PenerbitUSIM
- @PenerbitUSIM



<http://mybookstore.usim.edu.my>

# KANDUNGAN



Prakata

Pendahuluan

Bab Satu: Pengkaryaan Hadis Arba'in di Nusantara

Bab Dua: Biografi Kesarjanaan Buya Mawardi

Bab Tiga: Mengenal Hadis Arba'in Mawardi


Bab Empat: Kaedah Penghuraian Hadis Arba'in Mawardi

Penutup

Rujukan

Biodata Penulis

Indeks



Buya Mawardi Muhammad



# PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين، والصلوة  
والسلام على أشرف المرسلين وعلى آله وصحبه ومن تبعه بإحسان إلى  
يوم الدين، أما بعد؟

Alhamdulillah, penulis amat bersyukur ke hadrat Allah SWT, atas segala taufik dan hidayah-Nya juga, karya sederhana ini dapat disiapkan, bahkan di tengah kesibukan penulis mengajar dan memimpin jabatan di universiti. Selawat dan doa kesejahteraan atas Nabi Muhammad SAW, junjungan umat Islam sedunia, yang telah membawa manusia dari zaman jahiliah kepada zaman Islamiah, di bawah naungan al-Quran dan sunnah.

Buku ini merupakan wujud kekaguman penulis terhadap seorang tokoh pendidik dan ulama besar Minangkabau yang hidup sejak dasawarsa kedua abad ke-20 dan wafat di penghujung abad itu. Tokoh tersebut memainkan peranan yang sangat signifikan dalam medan dakwah, pendidikan dan penulisan karya. Namun sayang, kajian tentang biografi kesarjanaan dan sumbangannya beliau tidak banyak disentuh oleh pengkaji mutakhir, sama ada oleh sarjana tempatan lebih-lebih lagi ilmuwan daripada luar negara.

Perkenalan penulis dengan tokoh ulama ini bermula sejak mengikuti pengajian sarjana di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (2008-2010), khasnya subjek Pengajian Hadith di Nusantara (IQGU6324) yang diajar oleh guru yang amat pakar dalam bidang berkenaan, Prof. Fauzi bin Deraman (semoga Allah sentiasa mencucuri beliau dengan nikmat dan kasih-Nya), seorang murabbi yang banyak mempengaruhi sahsiah dan keilmuan penulis.



## Prakata

---

*Last but not least*, ucapan terima kasih kepada Penerbit USIM terutama editor handal Pn. Ainnatun Nadrah binti Mansor, kerana sudi “memburu” penulis yang terkadang membuat perasaan ini jadi gerun pula. Yang paling penting buku ini akhirnya terbit setelah hampir satu tahun tergendala pembetulan. Ucapan syukur dan penghargaan ditujukan kepada pegawai kakitangan, penilai, dan pengatur huruf yang bekerja luar biasa untuk memastikan kualiti penerbitan ini terkawal dengan baik. Tabik dan salam hormat!

Semoga usaha sederhana ini dapat memperkaya khazanah Islam dan menjawab kelesuan rujukan tentang peranan Buya Mawardi dalam bidang hadis. Kepada pembaca, baik pelajar, mahasiswa dan masyarakat awam yang menaruh cinta kepada ulamanya, pandangan serta kritikan amat dinantikan bagi kesempurnaan edisi berikutnya. Tiada gading yang tak retak. Kepada Allah penulis berharap, agar upaya fakir yang tidak seberapa ini menjadi amal soleh di sisi-Nya. Amin ya Rabb.

**Jannatul Husna bin Ali Nuar, PhD**

# PENDAHULUAN



Buya Mawardi merupakan seorang tokoh yang dilahirkan di Bukit Tinggi pada permulaan penggal kedua abad ke-20. Beliau ialah lepasan Sumatera Thawalib dan Diniyah School di Padang Panjang tahun 1930-an. Kedua perguruan Islam ini merupakan institusi pendidikan swasta yang cukup terkehadapan di rantau nusantara pada zamannya. Sekolah ini juga menjadi benteng perjuangan kaum yang membawa idea pembaharuan selepas kembali daripada kembara ilmu di tanah suci. Walaupun tidak pernah berguru secara langsung ke negeri Arab, namun beliau tetap berjaya muncul sebagai seorang alim yang produktif dalam mengarang kitab, bahkan dalam bahasa Arab. Karyanya meliputi bidang keilmuan seperti fikah (tentang faraid dan puasa), ilmu tafsir, ilmu bahasa, pendidikan, hadis dan ilmu hadis. Kenyataan ini menegaskan bahawa institusi pendidikan tempatan cukup dalam mendidik anak watan, apatah lagi ditambah dengan minat individu berkenaan untuk muncul sebagai seorang yang terpelajar.

Selain itu, beliau juga merupakan seorang pendidik ummah yang memiliki komitmen tinggi dalam memajukan Perguruan Thawalib Padang Panjang, hingga ke penghujung hidupnya. Semasa kepimpinan beliau menubuhkan Perguruan Tinggi Thawalib (1973), meskipun institusi berkenaan hanya mampu bertahan beberapa tahun sahaja. Lebih jauh dari itu, menjelang penghujung kariernya, beliau telah membina Perguruan Thawalib Puteri (1989). Berkat asuhan dan didikannya yang berterusan juga telah lahir ribuan bijak pandai, ulama, sasterawan dan tokoh termasuk Profesor Ali Hasymi (mantan Gabenor dan Rektor IAIN Aceh), Amir Syarifuddin (profesor yang juga mantan Rektor IAIN Imam Bonjol), dan Profesor Edi Safri (pakar hadis dan mantan Dekan Usuluddin IAIN Padang). Di samping memimpin sekolah lamanya, beliau juga turut melibatkan diri secara aktif dalam membesarkan IAIN Padang sejak institusi berkenaan ditubuhkan hingga akhir hayatnya. Bahkan, ketika perguruan ini masih bernama Yayasan Imam Bonjol lagi. Di sini, beliau turut berperanan dalam melahirkan puluhan profesor meskipun beliau sendiri bukanlah

# BAB SATU

## PENGKARYAAN HADIS ARBA'IN

### DI NUSANTARA



Tradisi akademik dalam memperkenalkan sumbangan ulama hadis patut mendapat tempat yang wajar daripada pengkaji mutakhir di alam Melayu atau kepulauan Nusantara ini. Perkataan Nusantara di sini adalah merujuk kepada istilah yang digunakan oleh Azyumardi Azra dalam bukunya *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, iaitu wilayah yang tidak hanya terhad kepada bakal ibu kota Indonesia baharu seperti yang dipilih Jokowi (Kementerian PPN/Bappenas, 2021), melainkan daerah Asia Tenggara termasuklah Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei, Selatan Thai, bahkan Selatan Filipina (Azra, 1995).

Kembali kepada tradisi pengenalan ulama hadis, beberapa institusi pengajian tinggi tempatan telah memberi tumpuan kepada pengajian dan penyelidikan khas yang mencungkil peranan ulama setempat. Hal itu cukup memberangsangkan dewasa ini (Deraman et al., 2010; Sulaiman, 2011). Sebaliknya, di beberapa institusi Indonesia era 1990-2000-an, tokoh hadis setempat tidak banyak memperoleh sentuhan, malah agak mengkhawatirkan (Azra, 2002). Justeru, sejak tahun 2010 hingga ke saat ini apabila Perguruan Tinggi Keagamaan Islam Indonesia mula memperkenalkan subjek Pengajian Hadis di Nusantara, Studi Hadis Kawasan atau Pemikiran Hadis di Indonesia. Padahal sumbangan ulama dalam bidang hadis sangat layak dikemukakan, demi mencetuskan ghairah anak-anak muda dalam mengorak langkah kerjaya dalam bidang keilmuan hadis ini.

#### PENULISAN HADIS ARBA'IN DI NUSANTARA

Menurut pendapat Fauzi Deraman (2010), secara keseluruhan karya hadis yang diusahakan ulama tempatan boleh dibahagikan kepada beberapa kategori, iaitu (1) karya yang mengandungi himpunan hadis

## BAB DUA

# BIOGRAFI KESARJANAAN BUYA MAWARDI



Suatu anugerah yang amat tinggi nilainya yang dikurniakan Allah SWT terhadap bumi Nusantara ialah tidak pernah berhenti melahirkan ilmuwan terbilang dari semasa ke semasa. Antara kawasan yang terserlah sebagai penyumbang tokoh ilmuwan dan pejuang di Nusantara ialah Tanah Minangkabau. Bahkan, di permulaan abad ke-20, kawasan ini dikenali sebagai pelopor gerakan pembaharuan Islam di Indonesia. Di sini lahirnya ramai bijak pandai dan tokoh agama, intelektual, sastera mahupun politik (Zakaria, 1999). Malah sejak akhir kurun ke-19 hingga 20, kawasan ini direkodkan sebagai yang paling ramai menampilkan tokoh pengarang berbanding daerah lain

di rantau Nusantara (Saghir, 2000). Antara agamawan itu ialah Buya Mawardi.

## NAMA DAN KELAHIRAN

Di samping tokoh yang menjadi subjek kajian, personaliti lain yang popular dengan nama Mawardi ialah Mawardi Labay el-Sulthani (1936–2003), seorang ulama Minang yang mengasaskan syarikat percetakan al-Mawardi Prima di Jakarta. Selain itu, ilmuwan yang terbilang namanya dengan sebutan sama ialah Abu al-Hasan al-Mawardi (974–1058), seorang ulama kelahiran Iraq yang telah mengarang kitab berimpak tinggi dalam kalangan intelektual Muslim sejagat seperti kitab *al-Ahkam al-Sultaniyah* dan *Adab al-Dunya wa al-Din* serta banyak lagi. Namun, bukan dua ulama tersebut yang penulis maksudkan dalam buku ini.

Sebagaimana yang sering dipaparkan dalam kitab karangannya, nama penuh beliau ialah Mawardi Muhammad, gabungan antara namanya sendiri dengan nama ayahnya, Muhammad. Adakalanya ditulis dengan sebutan “Mawardi Muhammad” (M. Muhammad, 1957, 1981, 1982). Walau bagaimanapun, beliau yang bergelar adat Sutan Muncak ini lebih dikenali masyarakat setempat dengan sapaan Engku, Ustaz dan Buya ketika hayatnya (Amir, 1995; Gamal, 2014; Syarkawi, 1990; Yasminar, 2011). Menurut Yasminar, sebutan Engku lebih banyak diberikan oleh masyarakat setempat pada dekad 1950-an. Manakala dalam lingkungan tahun 1970-an hingga ke akhir hayatnya, beliau lebih dikenali sebagai Buya. Sapaan ustaz pula sering kali disampaikan dalam penulisan, apatah lagi dalam penyusunan kitab berbahasa Arab. Tidak dijumpai sebutan syeikh untuk Buya Mawardi, sama ada dalam pertuturan maupun penulisan.

Maksud perkataan Sutan ialah awal nama gelaran bagi kaum bangsawan di Minangkabau (Baharom, 2005; Bakyr, 2003; Salim, 1989). Engku pula bermaksud sebutan atau sapaan kepada orang yang dihormati seperti guru dan lain-lain (Baharom, 2005; Bakyr, 2003). Manakala perkataan ustaz pula berasal daripada bahasa Parsi yang diadaptasi ke dalam bahasa Arab, bererti *mu‘allim*, iaitu tuan guru

# BAB TIGA

## MENGENAL HADIS ARBA'IN MAWARDI




Pengumpulan hadis mempunyai formulanya yang pelbagai ('Itr, 1997; Al-Qasimi, t.th.). Antara manhaj dalam pengumpulan hadis itu ialah arba'in. Kaedah ini telah menjadi tradisi yang diwariskan sejak zaman berzaman hingga ke hari ini. Ahmad Lutfi menyatakan bahawa tidak kurang daripada 250 hadis arba'in telah dihasilkan oleh para ulama sejak dahulu lagi. Kebanyakan alasan mereka adalah untuk mengikut jejak kebiasaan ulama klasik dengan melandaskan usahanya kepada fadilat menghafal hadis arba'in. Meskipun majoriti hadis terbabit berkategori *da'iif* kerana rantaian sanad yang terlalu lemah, namun masih dapat diamalkan dalam perkara *fada'iil al-'amal*, selagi tidak bertentangan dengan akidah, halal-haram dan menyatakan segi kedaifannya (Al-Habsyi, 2008).

Meskipun agak sukar untuk memastikan siapa yang menjadi perintis dalam meneroka kaedah arba'in ini. Ramai sarjana menyebutkan bahawa usaha awal telah dipelopori oleh Ibn al-Mubarak (Al-Nawawi, 1994). Namun begitu, daripada sekian banyak khazanah arba'in, karangan al-Nawawi adalah yang paling popular dan telah diterjemahkan ke dalam sejumlah bahasa serta banyak tersebar dalam kalangan masyarakat Islam (Al-Habsyi, 2008; Mokhtar, 2008). Ulama Nusantara tidak ketinggalan menyusun kitab ini termasuk Buya Mawardi. Bahagian ini dimaksudkan untuk menyerlahkan sejarah dan objektif penulisan karya, isi kandungan, dan sumber rujukan. Adapun konsepsi umum dalam penulisan sekali gus syarah hadis telah dipaparkan dalam dua bab terdahulu.

# BAB EMPAT

## KAEDAH PENGHURAIAN HADIS ARBA'IN MAWARDI



Sebelum mengetahui kandungan kitab, pembaca sepatutnya mengetahui kesahihan hadis yang dipaparkan. Pada kenyataannya, untuk memahami kategori hadis yang berautoriti memerlukan piawaian ilmu hadis yang baik. Sememangnya, dalam penyusunan kitab hadis selepas pembukuan, apatah lagi zaman ini lebih bersandar kepada penulisan sedia ada. Hampir tidak dijumpai kembara periwayatan hadis, kerana ia telah direkodkan oleh ulama sejak abad kedua hijrah lagi. Oleh itu, tidak hairan apabila ulama Nusantara mencukupkan diri dengan hasil penulisan ulama hadis masa lampau. Walau bagaimanapun, usaha ini masih membuka peluang untuk diberikan

ARBA‘IN MAWARDI  
Khazanah Hadis Ulama Nusantara di Minangkabau

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, dapat dirumuskan beberapa maklumat sebagai kesimpulan akhir. Antaranya ialah maklumat tentang kemunculan Buya Mawardi selaku tokoh ilmuwan pendidik, pendakwah dan pengarang. Seterusnya, hakikat penyusunan karya hadis arba‘in oleh Buya Mawardi. Kemudian, penerokaan kaedah penulisan sanad dan matan yang digunakan oleh ilmuwan berkenaan. Yang tidak kurang pentingnya ialah penelusuran tentang kaedah penghuraian hadis yang merangkumi beberapa aspek seperti tipologi syarahan dan sumber rujukan serta corak penghuraian hadis.

Mengikut kajian Wan Mohd Saghir (2000), standard ulama dan kealiman seseorang itu diukur melalui tiga aspek utama, iaitu berkarya, mempunyai murid, dan dihormati masyarakat. Menghasilkan karya, sama ada besar atau kecil yang tersebar dalam masyarakat. Sebaran itu terbukti menerusi edisi cetakan, diajarkan kepada masyarakat dan bertahan sekurang-kurangnya 10 tahun selepas penerbitannya. Pada kebiasaannya, pendidik yang menerajui surau, madrasah dan institusi pengajian pasti mempunyai murid. Yang ketiga, ulama itu ialah seorang yang dihormati dan digemari ajarannya oleh masyarakat. Sekalipun nama mereka tidak lagi semerbak setelah jasmani lama terkubur, tetapi legasi pemikiran dapat ditemui dalam khazanah yang diwariskan.

Selain itu, beberapa preskripsi (ketentuan) yang perlu diambil kira untuk menentukan seseorang itu ulama ataupun bukan adalah dinilai melalui penguasaan mereka dalam bahasa Arab. Buya Mawardi, seperti diperakui Oemar Bakry Datuk Tan Besar, merupakan personaliti yang berkemahiran dalam bahasa Arab baik aspek nahu, saraf, balaghah dan sebagainya, sekalipun beliau tidak menggunakan pertuturan tersebut secara aktif dalam kehidupan sehariannya (Bakry, 1983).

Buya Mawardi menjalani karier sebagai tenaga pendidik selama lebih daripada 63 tahun di Sumatera Thawalib Padang Panjang sejak usianya baru menjangkau 18 tahun (1931M/1349H) hingga ke usia 81 tahun (1994M/1415H). Walaupun agak sedikit terlambat, beliau turut membangunkan Perguruan Thawalib Puteri pada tahun 1989 yang berdiri kukuh hingga ke hari ini. Sebelum itu, pada tahun 1974 beliau juga mengasaskan Perguruan Tinggi Thawalib yang mengendalikan

## BIBLIOGRAFI



- ‘Itr, N. al-D. M. (1997). *Manhaj al-Naqd fi ‘Ulum al-Hadith* (Edisi ke-3). Dar al-Fikr.
- Abdullah, T. (2009). *Schools and Politics: The Kaum Muda Movement in West Sumatera 1927–1933*. Equinox Publishing.
- Abidin, M. (Ed.). (2005). *Ensiklopedi Minangkabau*. Pusat Pengkajian Islam dan Minangkabau.
- Adam, A. (2012). *Suara Minangkabau: Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah di Sumatera Barat 1900-1941*. Penerbit Universiti Malaya.
- Addary, A. H. A. (1980). *Ilmu Hadits Praktis*. al-Ma’arif.
- Ahmad, Z. A. (1976). *Memperkembang dan Mempertahankan Pendidikan Islam di Indonesia*. Bulan Bintang.
- Al-‘A‘zami, M. M. (1977). *Studies in Hadith Methodology and Literature*. American Trust Publications.
- Al-Albani, M. N. al-D. (2001). *Silsilah al-Ahadith al-Da‘ifah wa al-Maudu‘ah wa Atharuha al-Si’fi al-Ummah*. Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tauzi‘.
- Al-Baihaqi, A. bin al-Husain. (t.th.). *Al-Madkhal ila al-Sunan al-Kubra* (M. Diya’ al-R. Al-A‘zami (Ed.)). Dar al-Khulafa’ li al-Kitab al-Islami.
- Al-Baihaqi, A. bin al-Husain. (2003). *Shu‘ab al-Iman* (A. al-‘Ali ‘Abd Al-Hamid & M. A. Al-Nadwi (Eds.)). Maktabah al-Rushd dan al-Dar al-Salafiyah.
- Al-Bazzar, A. B. A. (1988). *Musnad al-Bazzar al-Bahr al-Zakhkhar* (M. al-R. Zainullah (Ed.)). Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, M. bin I. (2010). *Sahih al-Bukhari* (M. F. ’Abd Al-Baqi (Ed.); Edisi ke-5). Dar al-Salam.
- Al-Bukhari, M. bin I. (t.th.). *Al-Tarikh al-Kabir* (M. M. Khalil (Ed.)). Da’irah al-Ma‘arif al-‘Uthmaniyyah.
- Al-Bukhari, M. bin I. (1989). *Al-Adab al-Mufrad* (M. F. ‘Abd Al-Baqi (Ed.); Edisi ke-3). Dar al-Basha’ir al-Islamiyah.
- Al-Bukhari, M. bin I. (2002). *Sahih al-Bukhari* (M. Z. bin N. Al-Nasir (Ed.)). Dar Tuq al-Najah.



*Yayasan Thawalib di Padang Panjang, 10 Mei.*  
Zakaria, G. A. N. (1999). *Mohammad Natsir: Pendidik Ummah (Kajian Atas Fikiran-fikirannya Tentang Pendidikan Islam di Indonesia)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zakaria, G. A. N. (2014). *Tokoh-tokoh Abadi Pendidikan Islam*. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Padang (2006), Sarjana Usuluddin (Hadis) di Universiti Malaya (2010), dan Doktor Falsafah (Hadis) di Universiti Brunei Darussalam (2016). Pernah berkhidmat sebagai pensyarah sambilan di STAI Solok Nan Indah (2010-2012) dan STIT Al-Yaqin Sijunjung (2010-2013). Sejak 2016, bertugas sebagai Pensyarah Kanan dan Ketua Jabatan Ilmu Hadis (2019-2026), Fakulti Agama Islam, Universiti Ahmad Dahlan, Yogyakarta. Beliau sangat meminati bidang Pengajian Hadis di Nusantara, Ilmu Rijal al-Hadis, Metodologi Syarah Hadis, dan Ilmu Ma'ani al-Hadis.

## BIODATA PENULIS



**Jannatul Husna bin Ali Nuar, PhD** memperoleh pendidikan menengah di Madrasah ‘Aliyah Program Khusus (MAPK) Padang Panjang, Sumatera Barat (1999-2002). Menyelesaikan Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir Hadis) di IAIN Imam Bonjol

## INDEKS



**A**

Abbas al-Duri ·  
Abd al-Rahman bin Abi Bakrah ·



ARBA‘IN MAWARDI  
Khazanah Hadis Ulama Nusantara di Minangkabau

- |                                     |  |
|-------------------------------------|--|
| Abdul Hamid Hakim ·                 | <i>Al-‘Arud al-Wadihah</i> ·                 |
| Abdul Karim Amrullah ·              | <i>al-A‘mash Sulaiman bin Mihran</i>         |
| Abdullah al-‘Adawi ·                |  |
| Abdullah bin ‘Abbas ·               | <i>al-ad‘iyah</i> ·                          |
| Abdullah bin ‘Abd al-Rahman ·       | <i>al-Adab al-Nabawi</i> ·                   |
| Abdullah bin ‘Amr ·                 | <i>Al-Ahadith al-Mukhtarah</i> ·             |
| Abdullah bin ‘Umar ·                | <i>al-Ahādīth al-Mukhtārah</i> ·             |
| Abdullah bin Dawud ·                | <i>al-Ahadith al-Mukhtarah wa Sharhuha</i> · |
| Abdullah bin Ghalib al-‘Abbadani ·  | <i>al-Ahādīth al-Mukhtārah wa Sharhuha</i> · |
| Abdullah bin Mas‘ud ·               | <i>al-Ahkam al-Sultaniyah</i> ·              |
| Abdullah bin Sa‘id al-Ashaj ·       | <i>al-Aswad bin ‘Amir</i> ·                  |
| Abdullah bin Wahb ·                 | <i>al-Balaghah al-Wadihah</i> ·              |
| Abdullah bin Ziyad al-Bahrani ·     | <i>al-Bayan</i> ·                            |
| Abdullah ibn Lahi‘ah ·              | <i>al-Bazzar</i> ·                           |
| Abu ‘Atikah ·                       | <i>al-Burhan fi Tafsir al-Qur‘an</i> ·       |
| Abu al-Darda’ ·                     | <i>al-Dahhak</i> ·                           |
| Abu al-Haitham ·                    | <i>al-Ghayah fi Sharh al-Hidayah</i> ·       |
| Abu al-Hasan al-Mawardi ·           | <i>al-Hasan bin ‘Ali</i> ·                   |
| Abu al-Shaikh ·                     | <i>al-Hasan bin ‘Atiyah</i> ·                |
| Abu Bakr ·                          | <i>al-haya ‘min al-iman</i> ·                |
| Abu Bakr bin ‘Ayyash ·              | <i>al-Husun al-Hamidiyah</i> ·               |
| Abu Bakrah ·                        | <i>Ali bin Khashram</i> ·                    |
| Abu Barzah al-Aslami ·              | <i>Ali bin Zaid</i> ·                        |
| Abu Dawud ·                         | <i>al-ikhlas</i> ·                           |
| Abu Dhar al-Ghfari ·                | <i>al-Islam ruh al-madaniyah</i> ·           |
| Abu Hurairah ·                      | <i>al-Islam wa al-‘ulum al-‘ashriyah</i> ·   |
| Abu Ja‘far al-Razi ·                | <i>al-Isti‘ab</i> ·                          |
| Abu Mukrim bin Hamid ·              | <i>al-Jawahir al-Kalamiyah</i> ·             |
| Abu Musa al-Ash‘ari ·               | <i>Al-Khatib al-Baghdadi</i> ·               |
| Abu Sa‘id al-Khudri ·               | <i>al-Minhah al-Khairiyah</i> ·              |
| Abu Umamah ·                        | <i>al-mudawamah ‘ala al-‘amal</i> ·          |
| <i>Adab al-Dunya wa al-Din</i> ·    | <i>al-Nahw al-Wadih</i> ·                    |
| administratif ·                     | <i>al-Rabi‘ bin Anas</i> ·                   |
| Ahmad bin al-Fadl al-Nafari ·       | <i>al-Sulam</i> ·                            |
| al-‘Abbas bin ‘Abdullah al-Wasiti · | <i>al-Taisir bi Sharh al-Jami‘ al-</i>       |
| <i>al-‘amal al-salih</i> ·          |  |

ARBA‘IN MAWARDI  
Khazanah Hadis Ulama Nusantara di Minangkabau